

PERLANCONGAN BANDAR DI TAIPING

Rosilawati Zainol

Abstract

The changing patterns of urban growth have changed people's perspectives towards cities. In the 17th century, economic activities held in cities had attracted people from all walks of life to work and live in the same vicinities. Cities evolved over time. Today, in the 21st century, cities no longer function solely for economic purposes but also possess other attractions such as shopping centres, theme parks, recreational areas, museums and galleries. Thus, cities have attracted visitors from all over the world to visit attractions that reside in these vicinities. This trend has changed cities' functions tremendously. This paper discusses the elements of urban tourism and Taiping is used as its case study. Taiping, a town built in the 19th century possesses historical buildings, recreational areas and other unique features that attract visitors. Elements of urban tourism are discussed according to unique features available in Taiping. Although Taiping does not have all the elements discussed, it is worth looking into features available in this town.

Pengenalan

Sejak abad ke-17 kewujudan sesebuah bandar sering dikaitkan dengan pusat perindustrian, pusat pengangkutan dan pusat perdagangan¹. Namun kini bandar membawa makna yang lebih luas yakni sebagai pusat maklumat, kewangan, hiburan dan lain-lain lagi. Perubahan ini lebih menjerus kepada sektor ekonomi yang dipelopori oleh kebanyakan penduduk bandar. Sektor perkhidmatan mengalami perubahan yang amat ketara. Ini disedari berlaku di bandar-bandar Eropah. Menurut Burtenshaw dan rakan-rakan fungsi bandar telah

berubah daripada pusat pengeluaran bahan industri kepada pusat kawalan, interaksi, kreativiti dan hiburan.² Proses perubahan ini berlaku di bandar-bandar Eropah pada tahun 1990-an. Sektor industri pembuatan mengalami penurunan. Sebaliknya, tumpuan lebih diberikan kepada sektor perkhidmatan yang secara tidak langsung melibatkan sektor pelancongan. Kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara ke bandar-bandar Eropah ketika ini menyebabkan meningkatnya permintaan terhadap agensi pelancongan, tempat penginapan, pemuliharaan bandar dan sebagainya. Di sinilah bermulanya tumpuan terhadap pelancongan bandar.

Pelancongan Bandar

Pelancongan bandar merupakan satu cabang pelancongan yang dianggap baru diterokai pada awal abad ke-21. Konsep pelancongan bandar banyak didebatkan oleh para ilmuan seperti Ashworth, Page dan Law. Menurut Ashworth, pelancongan bandar bukanlah mengenai aktiviti pelancong di bandar semata-mata tetapi merupakan sebahagian daripada kelengkapan dan tradisi dalam kehidupan di bandar.³

Ungkapan "Pelancongan Bandar" memberi pengertian baru dalam konteks pelancongan. Ini disebabkan ungkapan ini merujuk kepada kemajuan pelancongan di bandar-bandar industri lama di Eropah dan juga di Amerika Syarikat pada awal 1990-an. Law mendefinisikan pelancongan bandar sebagai fenomena pelancongan di bandar-bandar industri lama yang asalnya bukanlah bandar pelancongan. Beliau membuat perbandingan antara bandar warisan dan budaya yang telahpun mempunyai pembangunan pelancongan sedia ada tanpa perlu bekerja keras membangunkannya dengan bandar industri lama yang memerlukan strategi khas bagi pembangunan semula.⁴ Oleh yang demikian apabila ungkapan pelancongan bandar diketengahkan, perancangan, pemasaran dan penjenamaan semula bandar disertakan bersama.

Ashworth juga menambah bahawa struktur fizikal pelancongan yang wujud dalam sesebuah bandar tidak menjanjikan pelancongan bandar sebaliknya ciri-ciri khas yang menjadi sebahagian daripada bandar tersebut sebenarnya yang membentuk aktiviti pelancongan bandar. Beliau juga menambah bahawa fungsi pelancongan adalah saluran kepada pembentukan aspek-aspek penting dalam sesebuah bandar.⁵

Pelancongan bandar mula berkembang di negara-negara Eropah dan juga Amerika Syarikat. Bandar-bandar lama diberi nafas baru melalui penjenamaan semula. Bangunan-bangunan yang mempunyai nilai estetika dan warisan dipulihara dan dipelihara. Untuk menarik

lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara, banyak tarikan pelancong di bandar-bandar ini mengadakan pelbagai persembahan. Muzium yang dahulunya merupakan tarikan pelancong yang agak membosankan kini mengambil pendekatan baru dalam usaha menarik pelancong daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira umur dan bangsa.⁶ Banyak muzium dibangunkan mengikut kategori tertentu. Sebagai contoh, muzium industri diasingkan daripada muzium teknologi dan sebagainya. Tambahan pula muzium-muzium ini mengadakan pameran berlandaskan konsep-konsep tertentu secara berkala.⁷

Bukan itu sahaja, persembahan teater semakin mendapat tempat di hati pelancong. Selain itu, pusat membeli-belah dan taman tema tumbuh seperti cendawan tumbuh selepas hujan di kawasan-kawasan bandar. Kedua-duanya dianggap sebagai tarikan pelancong yang lebih kontemporari. Kedatangan pelancong massa ini telah meningkatkan pendapatan per kapita bandar. Tempias kemajuan ini telah sedikit sebanyak mencetus keinginan yang sama di negara-negara membangun.

Konsep pelancongan bandar mula mendapat perhatian negara-negara membangun. Pelancongan jenis ini dilihat sebagai strategi untuk menjana pendapatan baru melalui sektor pelancongan di bandar. Tambahan pula peratus penduduk bandar di negara-negara ini semakin meningkat. Oleh itu sektor pelancongan merupakan cabang ekonomi yang mampu memberi peluang pekerjaan kepada penduduk bandar. Selain itu, strategi pembangunan bandar dapat diperkembangkan untuk memulihara dan memelihara aset warisan dan semula jadinya. Menurut Singh, sektor pelancongan wajar wujud di bandar di negara-negara membangun sebagai salah satu langkah untuk mempertahankan aset warisannya.⁸

Pendekatan terhadap pelancongan bandar yang wujud di negara-negara maju adalah berbeza dengan pelancongan bandar yang wujud di negara-negara membangun. Ini disebabkan landskap bandar di negara-negara maju seperti di Eropah dan Amerika Syarikat lebih menjurus kepada budaya rakyat negara masing-masing. Sebaliknya, di negara membangun yang suatu ketika dahulu dijajah oleh satu atau lebih daripada satu penjajah mempunyai landskap bandar yang banyak menjurus kepada budaya negara barat. Rupa bandar ini kekal lebih lama jika dibandingkan dengan landskap asal masyarakat negara membangun kerana bahan binaannya terdiri daripada batu bata dan simen. Senario ini juga berlaku di Malaysia kerana negara ini pernah dijajah oleh Portugis (1511-1641), Belanda (1641-1824), Inggeris (1824-1942), Jepun (1942-1945) dan Inggeris (1945-1957) semula.

Pelancongan Bandar di Taiping

Wujudkah pelancongan bandar di Taiping? Apakah yang membuatkan pelancong ingin berkunjung ke Taiping? Apakah strategi yang boleh dijalankan untuk memasarkan pelancongan jenis ini di Taiping? Mampukah pelancongan ini bertahan di Taiping?

Pembangunan bandar di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori yang besar. Sebahagiannya diwujudkan sebelum merdeka dan selebihnya adalah selepas Malaysia mengecap kemerdekaan. Kebanyakan bandar yang dibangunkan sebelum merdeka adalah bercirikan konsep yang diketengahkan oleh penjajah yang menjajah di negara ini. Ini dapat dilihat daripada ciri-ciri bangunan serta susun atur pelan bandar yang dibangunkan.⁹

Melaka, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Taiping merupakan antara bandar-bandar yang mendapat sentuhan awal penjajah. Melaka yang pernah dijajah oleh Portugis, Belanda dan Inggeris mempunyai aset warisan ketiga-tiga penjajah dalam pembangunannya. Pulau Pinang pula banyak dipengaruhi oleh Inggeris. Kuala Lumpur berkembang daripada sebuah kawasan perlombongan bijih timah kepada sebuah bandar raya yang pesat membangun. Begitu juga dengan Taiping yang satu ketika merupakan salah satu pengeluar bijih timah terbesar dan ibu negeri yang pertama di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.¹⁰ Taiping juga dikenali sebagai sebuah bandar permulaan pelbagai perkara (*first of many*)¹¹. Oleh yang demikian, ia kaya dengan pelbagai tarikan unik pelancong.

Pelbagai penyelidikan telah dijalankan untuk mengkaji pelancongan dalam konteks perbandaran. Kajian mengenai pelancongan bandar di Malaysia walaupun masih baru namun wajar dijalankan. Hairul dan rakan-rakan mendapati bahawa pelancongan bandar di Malaysia boleh dikaji melalui dua kerangka utama. Yang pertama merujuk kepada produk dan infrastruktur pelancongan di bandar dan yang kedua pula menjurus kepada peningkatan pelancongan bandar di negara-negara membangun serta dibuat perbandingan dengan pelancongan bandar di negara maju.¹²

Apakah yang menarik di sebuah bandar untuk dilawati? Soal selidik yang dijalankan oleh Longwoods International yang bertajuk "Travel USA" bertanya kepada rakyat Amerika Syarikat, *What makes a city an exciting place to visit?* Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa pelancong inginkan sesuatu yang unik dan menarik, popular, menghiburkan dan merangkumi tarikan budaya dan tempat-tempat menarik untuk dilawati.¹³ Oleh yang demikian, unik, menarik dan popular merupakan daya tarikan utama pelancong untuk berkunjung ke sesebuah bandar.

Taiping merupakan sebuah bandar yang kaya dengan pelbagai aset pelancongan yang unik, menarik dan popular. Baik dari segi aset warisan mahupun alam semula jadi. Kedua-duanya menjadikan Taiping sebuah bandar yang harus dilawati oleh pelancong baik dari dalam mahupun dari luar negara. Taiping merupakan sebuah bandar yang dibangunkan pada tahun 1874 hasil daripada Perjanjian Pangkor yang dimeterai kerajaan British dan kerajaan Melayu Negeri Perak selepas berakhirnya Perang Larut. Taiping yang berasal dari perkataan Cina yang bermaksud 'Aman yang Berpanjangan' merupakan ungkapan yang dicipta oleh Kapten Speedy¹⁴ seorang pegawai British. Beliau juga merupakan individu yang bertanggungjawab pada wujudnya dua buah bandar iaitu Taiping dan Kamunting yang menempatkan puak-puak kongsi gelap yang bertelagah, Hai San dan Ghee Hin.¹⁵

Aset pelancongan di Taiping boleh dibahagikan kepada beberapa era. Era pertama ialah tempoh sebelum kedatangan British. Ketika ini banyak bangunan-bangunan yang didirikan adalah berasaskan kayu-kayan. Bangunan-bangunan ini tidak lagi wujud kerana unsur pembuatannya yang tidak dapat bertahan lama. Kota Long Jaafar sendiri tenggelam dalam arus peredaran zaman. Baru-baru ini kota tersebut telah ditemui dan langkah-langkah pemuliharaan telah dijalankan.¹⁶


Era kedua pula meliputi era semasa pendudukan British di Tanah Melayu semasa abad ke-19. Era ini bermula sejak terteranya Perjanjian Pangkor 1874 hingga 1900. Ketika ini susun atur bandar lama Taiping tidak terusik semasa British mula bertapak di sini. Namun satu kebakaran besar telah berlaku di sini menyebabkan bandar ini dibina semula. Permintaan terhadap perumahan dan perniagaan menyebabkan perancangan bandar yang tersusun mula dilaksanakan. Ini permulaan kepada bandar terancang dalam bentuk grid segiempat di Taiping. Blok perniagaan dengan sepuluh buah kedai untuk setiap satu blok dibina di samping jalan raya yang lebar dibina. Di sepanjang jalan raya ini pokok-pokok tropika ditanam. Di sinilah uniknya bandar Taiping.¹⁷

Pada masa pemerintahan British, Taiping dijadikan ibu negeri Perak yang pertama. Sebagai pusat pemerintahannya yang pertama di negeri Melayu, British mula membangunkan infrastruktur bandarnya. Taiping merupakan sebuah bandar yang lengkap dengan pelbagai infrastruktur dan kemudahan. Bangunan-bangunan awal yang didirikan di sini termasuklah pejabat pos dan telegraf, balai polis, balai bomba, sekolah, bangunan pejabat dan rumah rehat di sepanjang jalan raya yang tersusun begitu rapi dalam bentuk grid segiempat dan ditanami pokok-pokok. Jalan-jalan utama dalam

bandar asal Taiping ialah Jalan Kota, Jalan Stadium, Jalan Barrack, Jalan Main, Jalan Theatre, Jalan Old Club dan sebagainya.

Jalan kereta api pertama di Tanah Melayu menghubungkan Taiping ke Port Weld dibina pada tahun 1885. Tujuan utama pembinaannya adalah untuk mengangkut bijih timah yang dilombong ke Port Weld untuk dieksport. Namun jalan kereta api ini tidak lagi wujud sebaliknya telah diubah menjadi jalan raya setelah perlombongan bijih timah tidak lagi beroperasi di Taiping. Terdapat beberapa aset warisan yang tidak lagi wujud di Taiping selain jalan kereta api pertama ini. Aset-aset tersebut ialah Kediaman Residen, *Aerodrome*, dan Pejabat Awam. Kediaman Residen yang dibina pada 1877 telah diruntuhkan atas tujuan pembangunan. Saki-baki yang tinggal daripada kediaman ini hanyalah tiang-tiangnya sahaja. Begitu juga *Aerodrome* yang dibina pada 1939, tidak lagi wujud. *Aerodrome* ini telah dikembangkan pembinaan ketika pendudukan Jepun dengan bantuan penduduk tempatan. Pejabat Awam dan Dewan Bandar Taiping pula dibina pada tahun 1880 tetapi diruntuhkan pada tahun 1980-an atas alasan pembangunan.¹⁸ Namun apabila kerajaan Malaysia mula menyedari perlunya aset-aset warisan ini bagi tujuan pelancongan, banyak perancangan pembangunan mengambil pendekatan untuk mengekalkan aset-aset ini daripada kemusnahan.


Rajah 1: Tarikan pelancong yang masih dikekalkan di pusat bandar Taiping




Rajah 1 menunjukkan taburan tarikan pelancong yang masih dikekalkan di pusat bandar Taiping di samping kedudukan Taman Tasik Taiping dan juga Penjara Taiping. Kelihatan juga nama-nama jalan yang masih dikekalkan seperti Jalan Kota, Jalan Pasar Market dan juga Jalan Berek Barrack.

Banyak bangunan kolonial yang dibina ketika ini masih wujud hingga hari ini hasil daripada tindakan pantas pihak berkuasa untuk memulihara bangunan serta susun atur pelan bandar Taiping. Jalan raya yang dibina ketika itu masih dikekalkan hingga hari ini. pejabat tanah dan daerah, pasar, stesen kereta api, pejabat pos, Sekolah King Edward VII dan banyak lagi bangunan warisan masih kekal hingga ke hari ini. Bangunan-bangunan ini dijaga dengan rapi dan dapat bertahan hingga hari ini. Rajah 2 menunjukkan senibina bangunan yang dibangunkan pada era penjajahan British dalam tahun 1800-an dan 1900-an.

Rajah 2: Seni bina bangunan warisan yang masih kekal di Taiping



St George's Institution



Sekolah King Edward VII



Muzium Perak



Pejabat Tanah dan Daerah

Era seterusnya adalah dari tahun 1900 hingga 1957. Ketika era ini, pembangunan banyak tertumpu kepada penubuhan kem-kem tentera yang kebanyakannya kekal hingga hari ini. Selepas berakhirnya Perang Dunia Pertama pihak British menempatkan

sebahagian besar aset ketenteraan di Taiping serta kawasan Kamunting. Oleh sebab lokasi bandarnya yang strategik, tentera British India yang memainkan peranan besar di dalam strategi pertahanan Tanah Melayu dan Singapura telah ditempatkan di sini. Kesan peninggalan kem-kem tentera tersebut masih dipelihara serta digunakan oleh Angkatan Tentera Malaysia hari ini. Pada era zaman Perang Dunia Kedua, bandar ini tidak terlibat secara langsung dalam pertempuran antara tentera British dan Jepun. Pihak British telah meninggalkan Taiping sebagai bandar terbuka atau *open city* untuk bertahan di Kampar dan Slim River. Namun begitu Taiping telah dijadikan markas tentera Jepun untuk kawasan utara Tanah Melayu. Selepas peperangan tamat pada tahun 1945, pihak British telah menjadikan kawasan berdekatan Taman Tasik sebagai tanah perkuburan tentera yang gugur antara 1941 – 1942. Hingga hari ini tanah perkuburan itu tetap dipelihara oleh Kerajaan British.¹⁹

Selain bangunan dan susun atur bandar dalam bentuk grid yang tersusun rapi, Taiping juga mempunyai aset alam semula jadi yang boleh dibanggakan. Bukit Maxwell atau lebih dikenali sebagai Bukit Larut merupakan sebuah pusat peranginan yang dibangunkan untuk tentera British semasa pendudukan Inggeris di sini. Pusat peranginan tersebut kekal hingga hari ini termasuklah laluannya. Kini penanaman bunga tulip juga diusahakan di Bukit Larut.²⁰

Era selepas merdeka hingga tahun 1980-an menyaksikan pembangunan yang pesat di bandar-bandar di Malaysia. Taiping juga tidak ketinggalan. Pada era ini banyak pembangunan dijalankan tanpa memberi tumpuan yang khusus terhadap aset warisan dan sektor pelancongan. Namun pada akhir 1980-an, sektor pelancongan mula dilihat sebagai satu sektor penting dalam ekonomi Malaysia. Aset warisan dilihat sebagai produk pelancongan yang wajar dipertahankan. Di sinilah bermulanya usaha-usaha dijalankan untuk menggazetkan harta warisan terutama bangunan lama yang dibina semasa zaman kolonial.²¹

Taiping juga terkenal dengan taman tasiknya. Taman ini dibangunkan pada tahun 1884, kawasan paya dan bekas lombong bijih timah yang luas ditebus guna menjadi kawasan taman tasik bagi kegunaan awam. Pada tahun 1911, taman tasik ini digelar sebagai taman yang paling cantik di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pokok-pokok angšana yang ditanam sejak 1900-an masih ada hingga hari ini.²² Pemandangan dahan-dahan pokok angšana yang menjurai hingga ke jalan sepanjang taman tasik merupakan satu panorama yang tidak terdapat di tempat-tempat lain di Malaysia. Rajah 3 menunjukkan salah satu pokok angšana di Taiping.

Rajah 3: Pokok angšana di Jalan Pekeliling di Taman Tasik Taiping



Muzium Perak pula merupakan muzium yang tertua di Malaysia. Mula dibuka pada tahun 1883, muzium ini terletak di penghujung Jalan Main atau Jalan Taming Sari dan berhadapan dengan Penjara Taiping yang dibina pada tahun 1885.²³

Di Eropah dan Amerika Syarikat, pelbagai aktiviti dijalankan oleh pihak muzium bagi menarik pelancong datang berkunjung. Pelbagai pameran mengikut tema diadakan bagi mempelbagaikan aktiviti di muzium. Muzium Perak juga tidak ketinggalan. Ia mempunyai laman web yang dikhaskan untuknya. Melalui laman web ini pelbagai aktiviti yang dijalankan di muzium diwar-warkan di sini. Ini merupakan salah satu pendekatan yang diusahakan bagi menarik lebih ramai pengunjung. Namun laman web tersebut haruslah dipantau dan dikemas kini dari semasa ke semasa kerana pelancong akan merujuk kepada laman web ini sebelum datang berkunjung.

Zoo Taiping dan Night Safari juga merupakan tarikan pelancong yang wujud di Taiping. Zoo Taiping merupakan satu-satunya zoo yang terletak di sebelah utara Semenanjung Malaysia. Sementara itu Night Safari Taiping merupakan yang ulung kali di Malaysia.²⁴

Majlis Perbandaran Taiping dalam usaha memasarkan produk pelancongan di Taiping telah melabelkan Taiping sebagai Bandar

Warisan. Gelaran ini sesuai sekali memandangkan bandar ini merupakan bandar moden tertua dalam sejarah Negeri Melayu Bersekutu. Bukan itu sahaja, pihak majlis juga dalam perancangan untuk mengetengahkan Laluan Warisan Heritage Trail dalam usahanya untuk menarik pelancong. Laluan ini boleh dilalui dengan berjalan kaki atau menaiki kenderaan.²⁵ Rajah 4 menunjukkan Laluan Warisan dengan berjalan kaki. Laluan ini diwarnakan dengan warna hijau.

Rajah 4: Laluan Warisan dengan berjalan kaki




Sumber: Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Taiping, Town of Everlasting Peace. A Guide to the Heritage Sites and Buildings of Perak's Foremost Historic Town*, Taiping: Majlis Perbandaran Taiping, 1997.

Sementara itu, Rajah 5 pula menunjukkan Laluan Warisan dengan menaiki kenderaan. Laluan ini akan melalui kawasan Taman Tasik Taiping, Zoo Taiping, Penjara Taiping dan Muzium Perak. Laluan ini diwarnakan dengan warna ungu.

Taiping juga tidak ketinggalan dengan produk pelancongan bandarnya yang kontemporari iaitu taman tema. Taman tema yang dimaksudkan adalah Taman Tema Air Bukit Merah yang merupakan satu-satunya taman tema di Taiping telah dibangunkan pada 1999.

Selain itu pusat percutian ini juga dijadikan pusat persidangan.²⁶ Berdasarkan perbincangan di atas, Taiping memang mempunyai elemen-elemen pelancongan bandar. Aset pelancongan yang

Rajah 5. Laluan Warisan dengan kenderaan



Sumber: Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Taiping, Town of Everlasting Peace. A Guide to the Heritage Sites and Buildings of Perak's Foremost Historic Town*, Taiping: Majlis Perbandaran Taiping, 1997.

berasaskan warisan, semula jadi dan juga kontemporari dimilikinya. Namun kajian mendalam perlu dilakukan bagi mengukur sejauh mana pelancongan bandar dapat bertahan di bandar ini.

Kesimpulan

Tidak seperti bandar-bandar lain di Malaysia seperti Kuala Lumpur yang menawarkan pelbagai produk pelancongan bandar seperti pusat persidangan dan pusat beli belah, Taiping boleh berbangga dengan aset warisannya yang tidak ternilai. Aset yang dimilikinya boleh menjadi tarikan pelancong yang unik dan menarik. Sektor pelancongan telah sedikit sebanyak berjaya menyelamatkan aset warisan yang ada di Taiping. Kesedaran terhadap perlunya memelihara aset-aset warisan ini menjadikan Taiping sebagai sebuah Bandar Warisan yang tiada tolok bandingnya di Malaysia. Pendekatan yang diambil oleh pihak berkuasa yang berkaitan seperti Majlis Perbandaran Taiping, Jabatan Muzium dan Antikuiti, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan Malaysia serta individu-individu tertentu dalam memelihara dan memelihara aset-aset Bandar Taiping hendaklah diteruskan agar dapat dijadikan panduan oleh generasi akan datang.

Nota

- ¹ C. Ellis, *History of Cities and City Planning*. Akses pada 20 Februari 2008. <http://www.art.net/~hopkins/Don/simcity/manual/history.html>
- ² D. Burtenshaw, M. Bateman & G.J. Ashworth, *The European City. A Western Perspective*, London: David Fulton Publishers Ltd., 1991, hlm. 70 – 304.
- ³ G.J. Ashworth, "Urban Tourism: An Imbalance in Attention", *Progress in Tourism, Recreation and Hospitality Management*, 1989, hlm. 33-54.
- ⁴ C.M. Law, "Urban Tourism and its Contribution to Economic Regeneration", *Urban Studies*, Vol. 29, 1992, hlm. 597-616.
- ⁵ G.J. Ashworth, "Is There an Urban Tourism?", *Tourism Recreation Research*, Vol.17(2), 1992, hlm. 3-8.
- ⁶ C.M. Law, *Urban Tourism. Attracting Visitors to Large Cities*, London: Mansell, 1994, hlm. 70-87.
- ⁷ Ibid.
- ⁸ S. Singh, "Urban Development and Tourism; Case of Lucknow, India". *Tourism Recreation Research*, Vol.17(2), 1992, hlm. 71-78.
- ⁹ Hairul Ismail, T. Baum & J. Kokranikkal, "Urban Tourism in Developing Countries: A Case of Malaysia, The Scottish Hotel School", University of Strathclyde. Akses pada 3 Februari 2008, [http://www.ttra.com/applications/DocumentLibraryManager/upload Urban%20Tourism%20in%20Developing%20Countries.pdf](http://www.ttra.com/applications/DocumentLibraryManager/upload%20Urban%20Tourism%20in%20Developing%20Countries.pdf)
- ¹⁰ Khoo Kay Kim, *Taiping Ibukota Perak*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1994, hlm 5 – 10.
- ¹¹ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Taiping, Town of Everlasting Peace. A Guide to the Heritage Sites and Buildings of Perak's Foremost Historic Town*, Taiping: Majlis Perbandaran Taiping, 1997.
- ¹² Ibid.
- ¹³ C.M. Law, *Urban Tourism: Attracting Visitors to Large Cities*, London: Mansell, 1994, hlm. 69.
- ¹⁴ Kapten Speedy merupakan Penolong Residen British yang berpangkalan di Daerah Larut. Sebelum menjadi Penolong Residen, Kapten Speedy adalah individu yang diupah oleh Ngah Ibrahim untuk mematahkan Perang Larut.
- ¹⁵ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Taiping, Town of Everlasting Peace. A Guide to the Heritage Sites and Buildings of Perak's Foremost Historic Town*, Taiping: Majlis Perbandaran Taiping, 1997.
- ¹⁶ Rodzyah H. M. Yunus, Neta Suredah Baharum, Rosmawati Mohamed and Shamsury Ab Karim, "Heritage Tourism – Discovering Kota Long Jaafar", *Prosiding International Conference on Tourism Development: Vehicle for Development*, 10-11 January 2005, Penang, hlm 197-203.
- ¹⁷ JPBD 2005, *Taiping Life and Soul*, 2005, hlm. 54-55.
- ¹⁸ Ibid.
- ¹⁹ Ibid., hlm. 47.
- ²⁰ Ibid., hlm. 33-45.

- ²¹ Hairul Ismail, T. Baum, & J. Kokranikkal, "Urban Tourism in Developing Countries: A Case of Malaysia, The Scottish Hotel School, University of Strathclyde. Akses pada 3 Februari 2008, <http://www.ttra.com/applications/DocumentLibraryManager/upload/Urban%20Tourism%20in%20Developing%20Countries.pdf>.
- ²² Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Taiping, Town of Everlasting Peace. A Guide to the Heritage Sites and Buildings of Perak's Foremost Historic Town*, Taiping: Majlis Perbandaran Taiping, 1997.
- ²³ Jabatan Muzium & Antikuiti Wilayah Tengah, Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan Malaysia. Akses pada 3 Februari 2008 dari <http://www.museumperak.gov.my/?p=Main>, 2006.
- ²⁴ Night Safari, Jendela Hidupan Malam, Zoo Taiping. Akses pada 13 Februari 2008 dari <http://www.zootaiping.gov.my/nitesafari/bm/main.htm>.
- ²⁵ Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Taiping, Town of Everlasting Peace. A Guide to the Heritage Sites and Buildings of Perak's Foremost Historic Town*, Taiping: Majlis Perbandaran Taiping, 1997.
- ²⁶ About Bukit Merah. Akses pada 13 Februari 2008 dari <http://www.bukitmerahresort.com.my/index.htm>.